

**Untuk Bukan Islam Sahaja**

# **10 Kesalihan BODDHISATVA DASA PARAMITA**



**Oleh: Bhante Sri Pandit P. Pamaratana  
Penterjemah: K. Don Premaseri**

**Kulit hapadan direka oleh : ONG SWEE PIE**

**Untuk Bukan Islam Sahaja**

# **10 Kesalahan** **BODDHISATVA** **DASA PARAMITA**



**Oleh: Bhante Sri Pandit P. Pamaratana**  
**Penterjemah: K. Don Premaseri**

Publication of the



**Sasana Abhiwurdhi Wardhana Society**

**佛陀教义弘扬协会**

Buddhist Maha Vihara  
123, Jalan Berhala, Brickfields  
50470 Kuala Lumpur, Malaysia  
Tel: 03-22741141 Fax : 03-22732570  
E Mail : [bmvihara@mvihara .po.my](mailto:bmvihara@mvihara.po.my)

Permission to reprint for free distribution can be  
obtained upon request.

Published for Free Distribution

1<sup>st</sup> Print – September 2003 (2000 copies)

2<sup>nd</sup> Print - June 2007 (5000 copies)

*The Society gratefully acknowledges the efforts of Mr K  
Don Premaseri for translating this Bahasa Malaysia  
translation.*

Printed by **Uniprints Marketing Sdn Bhd**  
ISBN: 983-2515-21-1

## FOREWORD

The Sasana Abhiwurdhi Wardhana Society (SAWS) of the Buddhist Maha Vihara, Kuala Lumpur is pleased to publish our third Bahasa Malaysia (BM) publication for the year 2003. We have committed to publish at least 3 Dhamma booklet titles a year in BM in response to the appeal made by several Buddhist groups from Kelantan.

These booklets are sent in batches to Persatuan Agama Buddha Wakaf Bharu for distribution in Kelantan. At our Vihara, these books are available on display stands for free distribution along with other free Dhamma booklets in English, Mandarin, Tamil, Kishwahili (African) and Sinhala.

The Buddha's message of abstinence from bad actions, doing good and mental cultivation is both simple yet profound for one who begins to walk the Path. It is not by theorizing, speculating or just reading that one truly appreciates and has faith in the Dhamma. Appreciation can only come through practice. The Buddha has always advocated the threefold formula of Pariyatti, Patipatti and Pativedha - to study, practice and realize. There is no blind faith in Buddhism.

The first step in this 3-fold formula is to make the Dhamma available for our Buddhists to learn their own religion. There are very few opportunities to learn the Dhamma. When we entertain or welcome a visitor in our home, at the very least we will offer the visitor tea, coffee or even plain water. But within our Vihara or Buddhist Society, we are truly not a welcoming host if we do not readily make available free Dhamma books as food for the thinking mind in addition to the normal Dana of a sincere smile,

offering of assistance to the devotee, guidance, etc. We hope as many Viharas and Buddhist Societies as possible continue their noble effort to publish and display free Dhamma books prominently within their own premises to attract the new and once a year or month devotees to learn, practice and realize the Dhamma.

We are fully committed to continue publishing Dhamma books in our small way to make the Dhamma known and stand for what our forefathers intended when they formed this Society in 1895. We welcome support and volunteers to come forward to help us disseminate the Dhamma.

Our sincere appreciation to Venerable E. Indararatna Maha Thera, the Abbot of the Mahindarama Buddhist Temple, Penang for granting us permission to translate and publish this booklet which was authored by the late Ven. Sri Pandit P. Pematana Nayaka Maha Thera. Our appreciation is also extended to Mr. K. Don Premaseri for translating this booklet from English to BM.

Committee of Management  
Sasana Abhiwurdhi Wardhana Society  
September 2003

# 10 Kesalihan Boddhisatva

## Dasa Paramita

*Parama* bermaksud ciri yang paling mulia, salih, luhur, sempurna atau ciri kemanusiaan yang tertinggi. *Paramita Boddhisatva* pula membawa maksud ciri-ciri mulia dan paling sempurna yang dipunyai oleh seseorang *Boddhisatva*. Di dalam ertikata lain, *Paramita* merupakan ciri-ciri atau sifat-sifat penting yang harus disempurnakan untuk mencapai Pencerahan Sempurna. Di dalam bahasa Pali, *Dasa* bermaksud sepuluh. Justeru itu, *Dasa Paramita* bermaksud Sepuluh Kesalihan *Boddhisatva*.

Sepuluh ciri-ciri ini harus dipupuk serta disemai di dalam sanubari setiap penganut agama Buddha yang ingin mencapai *Nirvana* – Alam Kebebasan Mutlak dan Abadi yang merupakan objektif utama setiap umat Buddhis. *Nirvana* boleh dicapai melalui mana-mana satu *Yana* (jalan) yang berikut:

1. Jalan *Samma Sambuddha*
2. Jalan *Pacekka Buddha*
3. Jalan *Arahant*

Ketiga-tiga *Yana* di atas dibezakan berdasarkan tahap penyempurnaan setiap *paramita*.

Setiap umat Buddhis mempunyai kebebasan untuk memilih mana satu *Yana* (Jalan) yang paling sesuai untuk mencapai *Nirvana* mengikut kemampuan serta intelektualismenya. *Nirvana* dicapai dengan menyempurnakan 10 *Paramita* yang berikut ke tahap yang paling tinggi mengikut kemampuan seseorang:

- |                     |                               |
|---------------------|-------------------------------|
| 1. <i>Dana</i>      | Kedermawanan                  |
| 2. <i>Sila</i>      | Kesusilaan                    |
| 3. <i>Nekkhamma</i> | Peninggalan kehidupan duniawi |
| 4. <i>Panna</i>     | Kearifan                      |
| 5. <i>Viriya</i>    | Kegigihan                     |
| 6. <i>Khanti</i>    | Kesabaran                     |
| 7. <i>Sacca</i>     | Kebenaran                     |
| 8. <i>Aditthana</i> | Tekad                         |
| 9. <i>Metta</i>     | Kasih sayang suci             |
| 10. <i>Upekkha</i>  | Keseimbangan minda            |

## **Samma Sambuddha**

*Samma Sambuddha* bermaksud Pencerahan Sempurna, Yang Paling Sempurna, Yang Maha Suci atau Yang Maha Mengetahui. Kelahiran



seorang *Samma Sambuddha* di alam manusia amat jarang sekali. Berbanding dengan *Yana* yang lain, jalan ini merupakan yang paling sukar sekali.

Seseorang yang beraspirasi menjadi *Samma Sambuddha* harus mempunyai ikhtiar yang bersungguh-sungguh. Beliau juga harus menyatakan hasratnya kepada seorang *Samma Sambuddha* yang sedia ada di dunia pada ketika itu. *Samma Sambuddha* akan menguji kemampuannya sebelum mengumumkan bahawa individu yang beraspirasi itu akan menjadi seorang *Samma Sambuddha* di suatu hari kelak.

Semasa Gautama Buddha<sup>1</sup> dilahirkan sebagai Pandit Sumedha lebih kurang seratus ribu *Kalpa*<sup>2</sup> yang lalu, beliau mendapat pengesahan daripada Dipankara Buddha<sup>3</sup> bahawa beliau akan menjadi seorang *Samma Sambuddha* di

- 
1. Gautama Buddha juga dikenali sebagai *Sakyamuni Buddha*. Beliau merupakan Buddha yang keempat di dalam jangka masa kewujudan alam manusia ini
  2. Satu *kalpa* bersamaan dengan beberapa ribu tahun
  3. *Dipankara* Buddha merupakan Buddha yang ketiga di dalam jangka masa kewujudan alam manusia ini.

suatu masa kelak. Sejak dari hari itu, beliau telah mengeneipkan kepentingan dirinya dan berikhtiar bersungguh-sungguh untuk menyelamatkan manusia secepat. Berikutan usahanya menyempurnakan 10 Paramita Bodhisatva ini, beliau akhirnya menjadi seorang *Samma Sambuddha*.

## **Pacekka Buddha**

*Yana* (Jalan) kedua untuk mencapai *Nirvana* ialah *Yana Pacekka Buddha*. *Pacekka Buddha* mencapai Pencerahan Sempurna tanpa bantuan spiritual sesiapa pun. Beliau tidak mempunyai kemampuan yang luas untuk membimbing orang lain mencapai Pencerahan Sempurna. Semasa kehadiran seorang *Samma Sambuddha* di alam manusia, *Pacekka Buddha* tidak akan muncul. Hanya seorang *Samma Sambuddha* saja yang boleh wujud di dunia di dalam mana-mana satu masa tetapi beberapa *Pacekka Buddha* boleh wujud di dalam tempoh yang sama. Untuk menjadi *Pacekka Buddha*, seseorang individu harus menyempurnakan 10 *Paramita Bodhisatva* selama beberapa ribu tahun.

## Arahant

*Yana* (Jalan) ketiga untuk mencapai *Nirvana* melalui *Yana Arahant*. Jalan ini lebih mudah berbanding dengan dua jalan lain yang disebut tadi. Akan tetapi, untuk menjadi *Arahant* seseorang harus menyempurnakan 10 *Paramita Bodhisatva* selama jangka masa beberapa kehidupan<sup>4</sup>. *Arahant* merupakan seseorang yang telah menyingkirkan segala nafsu indera dan perpautan pada kebendaan. Beliau mampu untuk menghulurkan bantuan spiritual kepada sesiapa yang ingin membebaskan diri daripada belunggu *Samsara*<sup>5</sup>. Kita akan meneliti setiap *Paramita* ini secara ringkas untuk mengenali Jalan menuju ke *Nirvana*.

---

4. Buddha mengajar tentang kehidupan semula selepas mati. Sila baca buku "Do you believe in Rebirth?" oleh Dr. K. Sri Dhammananda untuk mendapat maklumat lanjut yang membuktikan kehidupan selepas mati memang berlaku.

5. *Samsara* merupakan kitar hidup dan mati yang terjadi berulang kali tanpa henti. Hanya dengan mencapai Pencerahan Sempurna, seseorang dapat menghentikan proses kelahiran semula ini serta membebaskan dirinya daripada belunggu *Samsara*.

## Paramita Dana

*Dana* bermaksud menderma hak milik atau kepunyaan seseorang dengan rela hati demi kebajikan orang lain. Tujuan menyempurnakan *Paramita Dana* untuk menyingkir perasaan tamak haloba serta sifat kedekut yang dipunyai seseorang. Disamping itu, kita juga dapat memupuk serta menyemai sikap mengamalkan khidmat bakti kepada orang lain di dalam sanubari kita. Kita juga mengeneipkan kepentingan diri demi kebajikan manusia sejagat.

Seseorang yang benar-benar mengamalkan *Dana* tidak mengharap apa jua pun sebagai balasan pertolongannya. Dia tidak mengharapkan nama, pujian mahupun ucapan terima kasih. Dia tidak menganggap mereka yang mendapat manfaat daripada pertolongannya terhutang budi kepadanya. Dia tidak menghulurkan bantuan kerana terdesak berbuat demikian ataupun kerana malu. Dia juga tidak akan berasa kesal selepas menderma atau selepas melaksanakan kewajipan. Dia menderma dengan rela hati dengan memahami *Kamma* dan *Vipaka* – Hukum Sebab dan Akibat.

Disebabkan aktiviti kebajikannya yang mulia, dia akan menikmati kehidupan yang lebih bahagia di dalam hidup ini dan juga hidup yang akan datang.

## **Paramita Sila**

*Sila* bermaksud kesusilaan, kelakuan yang baik serta mengikuti peraturan kehidupan yang diajar di dalam agama Buddha. *Sila* merupakan asas bagi semua perbuatan yang terpuji kerana kelakuan yang baik merupakan tahap pertama untuk menyelami kehidupan yang mulia.

*Sila* merupakan asas yang paling penting di dalam perkembangan rohaniah seseorang. *Sila* diibaratkan sebagai sebuah bahtera diperbuat daripada emas yang digunakan oleh seseorang untuk menyeberangi lautan *Samsara*. Tanpa asas *Sila* yang kukuh, kita tidak boleh mencapai *Samadhi*, iaitu penumpuan fikiran (konsentrasi) atau meditasi. Tanpa *Samadhi*, *Panna* (kearifan) atau perkembangan rohaniah seseorang akan tersekat. Seseorang harus mempunyai asas *Sila* yang kuat, sekurang-kurangnya mengamalkan

Lima Peraturan Hidup (*Panca Sila*)<sup>6</sup>, sebelum mula bermeditasi<sup>7</sup>. Dengan cara ini, seseorang boleh mencapai *Samadhi* – penumpuan fikiran yang sepenuhnya. Dengan tercapainya *Samadhi*, dia boleh meningkat ke tahap ketiga, iaitu *Panna* (Kearifan) dan seterusnya mencapai Nirvana.

*Sila* boleh dibahagikan kepada dua ketegori iaitu *Caritta Sila* dan *Varitta Sila*.

---

6. *Panca Sila* yang juga dikenali sebagai Lima Peraturan Hidup diikuti oleh setiap umat Buddhis dengan rela hati. Tidak ada sebarang paksaan untuk mengikutinya tetapi mereka amat digalakkan untuk mengamalkannya. *Panca Sila* terdiri daripada:

- i) Mengelakkan diri daripada membunuh atau bersifat kejam
- ii) Mengelakkan diri daripada mencuri
- iii) Mengelakkan diri daripada berzina
- iv) Mengelakkan diri daripada menipu
- v) Mengelakkan diri daripada mengambil sesuatu yang membuat kita hilang pertimbangan atau kebolehan kawal diri misalnya dadah atau minuman keras

7. Meditasi merupakan penumpuan fikiran atau konsentrasi untuk mencapai kearifan (*Panna*).

*Caritta Sila* merupakan tindakan kawalan secara positif iaitu aktiviti yang proaktif, betul dan terpuji mengikut agama Buddha. Buddha telah menggalakkan kita melibatkan diri di dalam aktiviti-aktiviti seperti memenuhi kewajipan sebagai seorang anak kepada ibu bapanya, isteri dan anak-anaknya, menghormati mereka yang lebih tua, membantu mereka yang miskin yang memerlukan bantuan dan sebagainya. Semua aktiviti ini proaktif, iaitu kita secara aktif melakukan kebaikan.

*Varitta Sila* pula merupakan tindakan kawal diri, iaitu aktiviti menghindarkan diri daripada melakukan sesuatu kejahatan. Misalnya dengan mengikut *Panca Sila*, kita mengelakkan diri daripada membunuh, menghindari daripada menipu, mencuri, dan sebagainya, yakni aktiviti-aktiviti yang tidak digalakkan oleh Buddha. Di dalam agama Buddha terdapat Lima (*Panca*), Lapan (*Attangika*) serta Sepuluh (*Dasa*) Peraturan Hidup. Kita mengikut Lima Peraturan Hidup (*Panca Sila*) pada setiap hari manakala pada hari *Uposatha*<sup>8</sup> kita mengikut Lapan Peraturan Hidup (*Attangika Sila*).

---

8. *Uposatha* merupakan hari ke -15 mengikut kalender Buddhis di mana bulan purnama kelihatan. Hari *Uposatha* merupakan hari

## Paramita Nekkhamma

*Nekkhamma* bermaksud peninggalan kehidupan duniawi supaya dapat hidup secara bersendirian dan berusaha mencari kebenaran yang mutlak serta ketenteraman jiwa. Tidak mudah bagi seseorang untuk meninggalkan segala miliknya dan kepuasan nafsu indera. Dia hanya sanggup meninggalkan semua ini setelah menyedari bahawa kehidupan duniawi tidak berkekalan serta hanya merupakan satu illusi sahaja.

Seseorang *Boddisatva* menganggap hidup berumah-tangga membebankan serta penuh dengan tanggungjawab. Hidup sebagai seorang yang bebas daripada kehidupan duniawi bagaikan langit yang meluas yang bebas daripada perputatan duniawi. Mereka sedar bahawa alam duniawi tidak berkekalan,

---

kelepasan am di negara-negara Buddhis seperti Thailand, Burma dan Sri Lanka. Pada hari *Uposatha*, ramai umat Buddhis mengunjungi *Vihara* untuk mendengar ceramah Dhamma serta berpakaian putih untuk mengikuti program *Attangka Sila*.



merugikan dan bagaikan hidup di dalam bayangan atau ilusi.

Semakin banyak kepuasan indera yang dinikmati oleh seseorang individu, semakin banyak yang didahagakannya lagi. Dia umpama seorang yang terus meminum air laut tetapi masih tidak dapat menghilangkan kedahagaannya. Kita juga boleh mengibaratkan keadaan ini seperti cuba untuk menjilat titisan manisan yang terletak pada hujung suatu pedang yang tajam.

Memahami hakikat ini, seseorang *Boddhisatva* meninggalkan kehidupan duniawi untuk mencapai kebahagiaan yang abadi dan mutlak, iaitu *Nirvana*.

### **Paramita Panna**

*Panna* bermaksud kearifan, kebijaksanaan atau pemahaman sesuatu secara mendalam.

*Panna* tidak bermaksud mempunyai pengetahuan biasa yang dipelajari daripada buku, sekolah atau institusi pengajian tinggi. Akan tetapi, *Panna* merupakan kearifan yang dapat menuju kepada pemahaman sepenuhnya tentang

kebenaran mutlak. *Panna* merupakan cahaya kebenaran yang menerangi kegelapan yang disebabkan oleh kejahilan.

Seseorang *Bodhisatva* yang memupuk *Panna* akan berusaha menambahkan pengetahuannya dengan apa jua cara sekali pun. Mereka tidak berasa segan untuk bertanya sesuatu demi menyelesaikan kemusykilan mereka. Mereka sanggup bertanya soal daripada sesiapa pun yang lebih bijak atau berpengalaman daripada mereka, tanpa menghiraukan status sosial, kasta, kaum atau pun warna kulitnya. Seseorang *Bodhisatva* tidak akan cuba menunjuk-nunjuk kebijaksanaannya atau cuba berkelakuan terlalu pandai. *Panna* boleh dibahagikan kepada dua jenis, iaitu *Lokiya Panna* and *Lokuttara Panna*.

### **Lokiya Panna – Kearifan biasa**

Semua *Puthujjana*, iaitu orang kebanyakan yang tidak mencapai mana-mana satu tahap *Aryapudgala*<sup>9</sup> hanya mempunyai kearifan biasa sahaja. Akan tetapi, *Lokiya Panna* dapat

---

9. Terdapat 4 tahap *Aryapudgala* – *Sotapanna*, *Sakkadagami*, *Anagami* dan *Arahant*.

membantu seseorang menuju ke tahap *Kearifan Aryan*. Perkara ini dapat dilakukan dengan meluaskan pengetahuan kita seperti mempelajari bidang Sastera dan Sains, mendengar ceramah Dhamma, bergaul dengan mereka yang cerdik pandai, melibatkan diri di dalam perbualan, perbincangan dan persahabatan yang bermanfaat, banyak membaca dan sebagainya.

### **Lokuttara Panna – Kearifan Aryan**

Sesiapa yang telah mencapai mana-mana satu tahap *Aryapudgala* akan mempunyai *Kearifan Aryan*. Tahap Kearifan yang lebih tinggi ini boleh dicapai dengan memahami Empat Kebenaran Mulia<sup>10</sup> serta Hukum Semulajadi *Paticca Samupada*<sup>11</sup>. Pencerahan ini boleh kita

- 
10. Empat Kebenaran Mulia terdiri daripada ketidakpuasan, punca ketidakpuasan, tahap di mana tiada ketidakpuasan (*Nirvana*) serta Jalan untuk mencapai *Nirvana*.
  11. *Paticca Samupada* menunjukkan cara semua konstituen yang membentuk kewujudan hidup saling berkait diantara satu sama lain di dalam satu kitar hidup dan mati

diperolehi melalui konsentrasi diri di dalam tahap meditasi yang tertinggi, khasnya menumpukan perhatian kepada Tiga Ciri Semulajadi Hidup<sup>12</sup> atau pun objek meditasi yang sesuai dengan diri kita. Semua *Bodhisatva* harus melalui tahap meditasi yang intensif serta padat di dalam usaha mereka menyempurnakan *Panna Paramita* untuk mencapai Percerahan Sempurna.

## Paramita Viriya

*Viriya* bermaksud kegigihan. *Viriya* merujuk kepada tekad seseorang atau kecekalan hatinya. *Viriya* merupakan satu ciri yang sangat penting yang harus dipunyai oleh seseorang *Bodhisatva*. *Viriya* merupakan salah satu aspek spiritual yang penting yang banyak dibincangkan di

- 
12. Tiga ciri semulajadi hidup merupakan *Dukkha*, *Anicca* & *Anatta*. *Dukkha* bermaksud bahawa hidup kita penuh dengan ketidakpuasan. *Anicca* membawa maksud tidak ada pun yang akan berkekalan, yakni kesemuanya sentiasa berubah. *Anatta* pula mencirikan watak seseorang sentiasa berubah, iaitu tidak ada apa pun yang boleh dikelaskan sebagai "Saya" (Soullessness) atau kepunyaan saya kerana "Saya" di dalam ertikata sebenarnya tidak wujud. Perkara ini kita boleh faham dengan lebih jelas apabila kita bermeditasi.

dalam *Abidhamma* (Dhamma yang lebih mendalam). *Viriya* juga merupakan salah satu daripada 7 faktor ke arah Pencerahan Sempurna (*Bojjhanga*).

Seseorang yang mempunyai *Viriya* tidak akan meninggalkan kerjanya separuh jalan disebabkan oleh kemalasan, kerunsingan mahupun halangan. Dia tidak akan menundakan kerja yang sepatutnya dibuat hari ini kepada keesokan harinya. Dia juga tidak akan membuang masa dengan sia-sia. Akan tetapi, dia akan tangkas melakukan kerjanya dengan serta-merta tanpa menunggu peluang keemasan mendatang atau menunggu kedatangan hari yang bertuah. Dia tidak akan cuba melepaskan diri daripada melaksanakan tugasnya dengan memberi alasan remeh-temeh seperti mendapat selsema, ditimpa hujan yang lebat atau masalah lain.

Seseorang yang mempunyai *Viriya* akan menganggap halangan sebagai cabaran dan dia akan meningkatkan lagi usahanya. Dia akan berusaha sehari suntuk untuk mencapai tujuannya.

*Bodhisatva* kita (Gautama Buddha) telah mengamalkan serta menghayati *Viriya* ke tahap

yang paling tinggi di dalam usahanya untuk menyempurnakan *Dasa Paramita*. Di dalam kehidupannya yang terakhir semasa berusaha mencapai Pencerahan Sempurna, Gautama telah menemui banyak dugaan serta halangan.

Namun, Gautama berkata, "*Mati di dalam pertempuran (dengan nafsu indera) lebih mulia bagi saya daripada hidup dengan perasaan yang diselami kekalahan*".

Gautama telah pun mempamerkan kegigihan, tekad serta kecekalan hatinya walaupun pada takat yang paling genting di dalam usahanya mencapai Pencerahan Sempurna di bawah pohon *Bodhi*.

Beliau berkata "*Walaupun kulit dan tulang saja yang tinggal selepas semua darah dan isi badan saya telah mengering, namun saya tetap tidak akan berganjak daripada tempat duduk saya sehingga mencapai Pencerahan Sempurna*".

### **Khanti Paramita**

*Khanti* bermaksud kesabaran atau ketabahan. *Khanti* juga bermaksud kebolehan untuk menahan kesengsaraan yang diakibatkan orang lain.

Jika sesiapa memarahi, mencela, memaki hamun, mentohmah atau cuba mencederakan seorang *Bodhisatva*, dia tidak akan marah. Dia tidak akan menyimpan perasaan dendam atau ingin bertindak balas terhadap mereka. Sebaliknya dia akan memancar belas kasihan serta kasih sayang sucinya kepada mereka dan cuba membimbing mereka ke jalan yang benar.

Bila seorang *Bodhisatva* dcederakan oleh sesiapa pun, dia akan mengamalkan *Khanti* ke satu tahap yang tinggi di mana bahkan dia menyalahkan dirinya sendiri.

Beliau membuat kesimpulan: *“Perbuatan itu akibat tindakan saya sendiri di satu kehidupan yang lampau. Oleh itu tidak wajar bagi saya menaruh dendam terhadapnya kerana dia juga seorang manusia. Dia mungkin juga saudara saya di kehidupan yang lalu.”*

Buddha telah menasihati kita untuk mengamalkan *Khanti* di dalam kehidupan sehari-harian kita. Diantara kata-kata hikmatnya seperti berikut :

*“Dia memukul saya, merompak saya, mencederakan saya, mengatasi saya - bagi sesiapa yang menyimpan*

*perasaan seperti ini, kebenciannya tidak akan padam”.*

*“Di dalam dunia ini, kebencian tidak boleh dipadamkan dengan kebencian. Kebencian hanya boleh dihilangkan dengan perasaan kasih-sayang yang suci sahaja. Ini adalah Hukum Abadi.”*

Untuk mengamalkan *Khanti*, seseorang harus berkemampuan untuk mengawal kemarahannya melalui pemahaman yang menyeluruh tentang hakikat hidup duniawi.

Di dalam dunia ini, ramai yang mudah hilang kemarahan mereka walaupun tentang perkara-perkara yang remeh-temeh. Mereka berasa kononnya dengan menghilangkan kemarahan mereka di khalayak ramai, mereka dapat mengawal orang lain dan menunjukkan kekuatan mereka. Akan tetapi, seseorang tidak harus lupa bahawa semasa dia hilang kemarahannya, dia akan hilang pertimbangan dan tidak mampu membezakan di antara baik dan buruk. Dia juga akan hilang ketenteraman jiwa, kebahagiaan, kawan dan juga popularitinya.



*Bodhisatva* kita mengamalkan *Khanti* tanpa menyimpan dendam walaupun apabila beliau dicerderakan.

## **Sacca Paramita**

*Sacca* bermaksud kebenaran, keikhlasan, kejujuran atau mengotakan janji yang dibuat. Seorang yang mengamalkan *Sacca* akan cuba mengotakan janjinya walaupun nyawanya terancam.

Seorang *Bodhisatva* yang menghayati *Sacca* bukan sahaja mengelakkan diri daripada bercakap palsu tetapi beliau juga tidak akan menggunakan perkataan yang kasar, mentohmah, mencaci atau melibatkan diri di dalam perbualan yang tidak bermanfaat.

Tohmah-mentohmah boleh merenggangkan persahabatan serta perpaduan orang lain.

Seorang *Bodhisatva* tidak akan membuat janji jika beliau tidak dapat mengotakannya. Sebelum membuat sebarang janji, beliau akan meneliti dan mempertimbangkan sama ada dapat menunaikan janji tersebut. Dia tidak akan membuat janji dengan melulu kerana

dipengaruhi orang lain atau kerana ingin menyenangkan hati sesiapa dengan janji-janji manis. Seorang *Bodhisatva* akan bertindak selaras dengan percakapannya. Dia juga akan bercakap selaras dengan tindakannya. Percakapan dan tindakannya tidak bertentangan. Mereka tidak seperti beberapa orang lain; lain yang dicakap, lain pula yang dibuat. Bak kata pepatah seperti ketam menyuruh anaknya berjalan betul.

### **Adhitthana Paramita**

*Adhitthana* bermaksud tekad atau kemahuan yang bersungguh-sungguh untuk melaksanakan hajat. *Adhitthana* merupakan asas bagi semua *Paramita* lain kerana tanpa suatu tekad yang kuat, seseorang tidak dapat menyempurnakan semua *Paramita* yang lain. *Adhitthana Paramita* merujuk kepada tekad untuk kegiatan-kegiatan yang terpuji serta memanfaatkan dan bukannya aktiviti-aktiviti yang jahat yang tidak digalakkan oleh agama Buddha.

Seseorang harus mempunyai hati yang cekal dan bertekad untuk mengatasi segala kesukaran dan halangan yang dihadapinya demi meraih kejayaan. Seorang yang tidak mempunyai hati yang cekal mudah menyerah kalah apabila

menghadapi halangan atau pun kritikan. Walau sepele perkataan yang tidak memberangsangkan dapat mematahkan semangatnya.

Seseorang *Bodhisatva* memegang teguh pada prinsipnya dan tidak akan menyerah kalah walaupun nyawanya terancam. Beliau mampu untuk mengatasi sebarang halangan demi mencapai objektifnya.

Perkara ini jelas terbukti di dalam hidup *Bodhisatva* kita sebagai Sumedha Pandit apabila beliau berlutut sambil memberi hormat kepada Dipankara Buddha.

Beliau berkata pada dirinya, “ *O Sumedha, dari sekarang anda harus menyempurnakan Paramita Adhitthana ini. Jangan berganjak daripada prinsip anda. Sebagaimana sebuah batu yang besar tidak akan berganjak apabila ditiup angin, begitu juga anda tidak harus berganjak daripada aspirasi anda sehingga anda menjadi seorang Samma Sambuddha.*”

## **Paramita Metta**

Di dalam bahasa Pali, *Mitta* bermaksud kawan atau sahabat. *Metta* pula bermaksud kemesraan,

kasih-sayang atau menganggap orang lain sebagai sahabat.

*Metta* yang dimaksudkan di sini jauh berbeza daripada kasih-sayang biasa. *Metta* merupakan kasih-sayang yang suci yang tidak berbelah bagi dan dipancarkan kepada semua bentuk kehidupan. Kasih-sayang duniawi hanya akan menuju kebahagiaan yang sementara sahaja dan kadangkala membawa kesengsaraan kerana melibatkan perpautan dan nafsu indera. Kita harus tahu membezakan diantara kasih-sayang duniawi dengan *Metta*.

*Metta* merupakan salah satu daripada Empat *Brahma Vihara*, iaitu

- |                    |                                      |
|--------------------|--------------------------------------|
| i) <i>Metta</i>    | kasih sayang suci                    |
| ii) <i>Karuna</i>  | belas kasihan                        |
| iii) <i>Mudita</i> | kegembiraan simpatetik <sup>13</sup> |
| iv) <i>Upekkha</i> | keseimbangan minda .                 |

*Metta* merupakan ciri *Bodhisatva* yang asas. *Metta* ialah kasih sayang suci kepada seluruh

---

13. *Mudita* – Turut bergembira di atas kejayaan orang lain. Ciri yang berlawanan dengan sifat ini ialah perasaan iri hati dan dengki melihat kejayaan orang lain.

manusia sejagat dengan menganggap mereka sebagai sahabat kami tanpa mengira keturunan, kasta atau pun warna kulit mereka. Disebabkan perasaan *Metta*, seorang *Bodhisatva* sanggup meninggalkan kehidupan duniawi demi kebajikan serta kebahagiaan manusia sejagat.

Ciri yang bertentangan dengan *Metta* ialah kebencian. Selagi kita mempunyai perasaan benci, dengki dan perasaan lain yang negatif, sukar untuk memupuk *Metta* di dalam sanubari kita. Kita harus cuba beransur-ansur menyingkirkan perasaan-perasaan negatif ini untuk mengamalkan *Metta*. Kalau tidak, kita tidak akan dapat melepaskan diri daripada belenggu *Samsara* yang penuh dengan penderitaan, duka-nestapa dan kesengsaraan.

Daripada *Metta Sutta*<sup>14</sup>, kita akan menyedari bahawa terdapat banyak manfaat yang kita akan perolehi dengan mengamalkan *Metta*.

Satu cara meditasi yang paling asas ialah *Metta Bhavana*. Berikut diberikan peringkat-peringkat

---

14. *Metta Sutta* adalah suatu khutbah (*Sutta*) Dhamma tentang cara untuk memancar *Metta* kepada semua bentuk kehidupan

di dalam *Metta Bhavana*.

Pertama sekali, kita memancarkan *Metta* kepada diri kita sendiri. Kedua, kita memancarkan *Metta* kepada ibubapa, suami atau isteri, abang, adik, kakak dan seisi keluarga. Ketiga, kita memancarkan *Metta* kepada jiran tetangga kita dan seluruh dunia. Akhirnya kita memancarkan *Metta* kepada semua bentuk kehidupan di dalam dunia ini.

### **Paramita Upekkha**

*Upekkha* adalah perasaan neutral, yakni mengawal diri supaya tidak terpengaruh oleh situasi sekitaran. Di dalam ertikata lain, walaupun keadaan sekitaran adalah porak-peranda, kita masih tetap tenang dan mampu bertindak dengan waras.

Seorang *Bodhisatva* yang berusaha menyempurnakan *Paramita* ini tidak akan terasa terkilan atau tersisih. Fikiran mereka bebas daripada emosi tatkala mendapat keuntungan, nama baik, dipuji orang, mengecapi kebahagiaan mahupun apabila ditimpa kerugian, kesengsaraan, dicela atau pun mendapat nama buruk.

Kelapan-lapan faktor di atas dikenali sebagai *Attha Loka Dhamma*, iaitu ciri-ciri yang akan kita hadapi di dalam hidup. Bila kita mendapat keuntungan, nama baik, meraih kebahagiaan dan dipuji orang, kita akan berasa sangat gembira dan riang. Akan tetapi kita tidak boleh menolak kemungkinan bahawa pada suatu hari kelak, kita juga mungkin akan menanggung kerugian, kesengsaraan, dicela atau pun mendapat nama buruk.

Pada ketika itu, kita akan berasa sangat kecewa dan menderita. Ada pula yang akan mengalami ketegangan jiwa dan menjadi gila. Seseorang yang tidak mempunyai pemahaman tentang hakikat hidup pasti tidak akan dapat mengawal dirinya. Hanya dengan memupuk *Upekkha* sahaja, seseorang dapat berdiri teguh menghadapi cabaran serta dugaan hidup.

Di dalam hidupnya sebagai Sumedha Pandit, Bodhisatva Sakyamuni berkata pada dirinya:

*“O Sumedha, dari sekarang anda juga harus menyempurnakan Paramita Upekkha dengan berdiri teguh semasa mengecapi kebahagiaan dan juga semasa ditimpa kegagalan. Sebagaimana muka bumi ini tidak berubah apabila bahan yang bersih*


*mahupun kotor dibuang ke atasnya, sebegitu juga anda tidak harus terpengaruh oleh situasi semasa sehingga anda mencapai Pencerahan Sempurna”.*

## **Kriteria ‘Baik’ dan ‘Jahat’ mengikut Buddha**

Di dalam *Kalama Sutta* dan *Nibbedhikapariyaya Sutta*, Buddha menyatakan bahawa sebarang kelakuan kita (sama ada fizikal, secara mental ataupun pertuturan) yang berdasarkan tamak-haloba, kebencian atau kejahilan adalah tidak bermoral.

Sebarang kelakuan kita yang berdasarkan tiadanya tamak-haloba, tiadanya kebencian dan tiadanya kejahilan adalah bermoral.





Di dalam *Rahulovada Sutta (Majjhima Nikaya)*, Buddha bersabda: “Sebarang perbuatan yang merugikan kedua-dua Si pembuat dan juga Si penerima adalah suatu perbuatan yang tidak bermoral. Sebaliknya perbuatan yang tidak merugikan kedua-dua belah pihak adalah suatu perbuatan yang bermoral”.

Suatu perbuatan yang merugikan Si pembuat tetapi tidak merugikan Si penerima adalah tidak

bermoral dan suatu perbuatan yang tidak merugikan Si pembuat tetapi membawa kecelakaan kepada Si penerima juga tidak bermoral.

Di dalam *Veludara Sutta*, Buddha bersabda: “Sebelum melakukan sesuatu, seseorang harus merenung dengan menempatkan dirinya di dalam kedudukan penerima hasil perbuatannya; sama ada si pembuat sendiri sanggup menerima hasil perbuatannya. Jika beliau sanggup menerima hasil perbuatannya, maka teruskan saja perbuatan tersebut. Kalau sebaliknya, dia tidak harus melakukannya.”

Prinsip yang paling asas di dalam agama Buddha dikenali sebagai *Panca Sila* yang boleh di lihat daripada dua sudut pandangan, iaitu sebagai kawalan diri disamping memupuk ciri – ciri yang luhur serta murni;

- a. menghindari daripada membunuh - memupuk belas kasihan
- b. tidak mengambil apa yang tidak diberikan - menghormati hak orang lain

- c. tidak berzina (melakukan hubungan kelamin dengan orang lain kecuali isteri atau suami sendiri) - memupuk kepuasan diri dan ketenangan jiwa
- d. menghindari daripada berdusta - memupuk sifat kebenaran di dalam diri
- e. mengelakkan daripada makanan dan minuman yang memabukkan dan menagihkan - memupuk kesedaran diri tentang segala tindak-tanduk secara mental (fikiran), pertuturan serta tindakan fizikal

Di dalam *Anguttara Nikaya*, Buddha menyatakan sebaik-baiknya seseorang Buddhis harus berpegang teguh kepada *Panca Sila* supaya dapat mengelakkan dirinya daripada jatuh ke mana-mana satu daripada 4 alam kewujudan sengsara selepas mati.

Buddha lebih menegaskan cara yang terdapat di dalam *Majjhima Nikaya*. (sila rujuk kepada rajah). Cara ini digalakkan supaya seseorang sedar akan "sebab" dia melakukan sesuatu; bukannya kerana takutkan Kamma. Seseorang Buddhis harus melakukan sesuatu yang baik

dan terpuji kerana digerakkan oleh hati nuraninya yang mempunyai benih “*Bodhi*” yang terpendam.


*“Mereka yang sentiasa berjaga-jaga dan mendisiplinkan diri mereka sehari suntuk, mereka yang sentiasa ingin mencapai Nibbana – Kekotoran batin mereka akan pudar.” - Dhammapada 226*

*“Bangunlah! Jangan alpa! Jalani suatu hidup yang benar. Mereka yang hidup (mengikut jalan yang benar) akan bahagia di dalam kehidupan ini dan juga kehidupan yang akan datang.” -  
Dhammapada 167*

*“Jangan jadi seperti sudu yang menatang manisan, tetapi tidak dapat menikmati manisan tersebut.” -  
Dhammapada*

Di dalam *Majjhima Nikaya*, seksyen 173 (*Sutta Nipata*) Buddha memerincikan perkembangan rohaniah seseorang Buddhis;

Seorang *Putthujana* (Orang biasa) menghampiri seorang *bhikkhu* (atau guru dhamma) dan menelitinya (daripada segi kelakuan, pertuturan, dsbnya) .



# KARMA

## Definisi Karma

*Karma* adalah tindakan berniat, iaitu perbuatan yang dilakukan secara sedar melalui badan, pertuturan atau fikiran. Karma merupakan hukum semulajadi yang menentukan bahawa setiap tindakan menghasilkan tindak-balas tertentu.

Seseorang yang melakukan perbuatan baik seperti menderma wang kepada organisasi kebajikan akan mengalami kebahagiaan. Sebaliknya seseorang yang melakukan perbuatan buruk seperti membunuh kehidupan lain, akan mengalami penderitaan. Dengan ini, kesan karma lalu seseorang akan memutuskan keadaan hidupnya sekarang.

Buddha bersabda,

*“Sesuai dengan benih yang disemai,  
Begitulah hasil yang anda akan kecapai.  
Mereka yang melakukan kebaikan akan  
mendapat balasan yang baik  
Mereka yang membuat kejahatan akan mendapat  
balasan yang buruk.  
Jika anda menanam benih yang baik*

*Maka anda akan menikmati hasil yang baik.”*

## **Karma jangka pendek dan jangka panjang**

Kesan sesuatu tindakan yang dilakukan di dalam kehidupan ini boleh di rasai di dalam kehidupan ini juga. Perkara ini dipanggil karma jangka pendek. Contohnya semasa hidup Buddha, Ajatasattu memenjarakan dan membunuh ayahandanya, Raja Bimbisara untuk mengambil-alih teraju pemerintahan negara. Setelah bertahun-tahun menjadi raja, Ajatasattu sendiri dibunuh oleh anaknya kerana tujuan yang sama.

Di dalam sesetengah kes, tindakan-tindakan kita tidak menghasilkan kesannya di dalam kehidupan kini. Kesannya akan dirasai di dalam kehidupan yang akan datang. Begitu juga tindakan-tindakan yang di lakukan di dalam kehidupan yang lalu mungkin menghasilkan kesannya di dalam kehidupan kini kerana kesan karma jangka panjang seperti yang berlaku kepada Moggallana, seorang daripada pengikut Buddha yang mati di tangan penyamun.

Menurut Buddha, di dalam kehidupan Moggallana yang lalu, dia membawa ibu dan bapanya yang tua ke dalam hutan lalu memukul mereka sehingga mati dan kemudiannya mengatakan bahawa mereka dibunuh oleh penyamun. Kesan dari perbuatan lampaunya dialami di dalam kehidupan berikutnya apabila dia sendiri dipukul sehingga mati oleh penyamun-penyamun.

### **Karma neutral**

Hukum karma tidak mengambil kira perbuatan-perbuatan seperti berjalan, duduk atau pun tidur. Perbuatan-perbuatan begini tidak menghasilkan kesan selain daripada tindakan-tindakan mereka sendiri. Begitu juga jikalau secara tidak sengaja membunuh seekor serangga dianggap sebagai tindakan neutral kerana tidak dilakukan secara sengaja.

Suatu ketika dahulu terdapat seorang bhikkhu yang buta yang semasa berjalan dengan tidak sengaja terpijak sekumpulan semut lalu menyebabkan kematian mereka. Apabila bhikkhu-bhikkhu sejawatnya mendapat tahu perkara terbabit, mereka melaporkan kepada Buddha. Buddha mengatakan bahawa disebabkan



bhikku buta itu membunuh semut-semut itu secara tidak sengaja, ia bukan tergolong di dalam karma baik atau pun buruk dan tidak ada kesan yang akan timbul.

## **Karma dan kelahiran semula**

Kelahiran semula yang diajar oleh Buddha berlainan dengan agama lain tentang perpindahan roh dan penjelmaan semula. Buddhisme menafikan kewujudan perpindahan roh tetap yang dicipta oleh tuhan. Malahan Buddha menolak kewujudan sebarang bentuk entiti yang maha berkuasa yang dikenali sebagai tuhan.

Daripada sudut pandangan saintifik, kita terhasil daripada sel sperma dan ovum yang disediakan oleh ibu bapa kita. Akan tetapi sains tidak dapat memberikan penjelasan yang memuaskan bagaimana minda kita dikembangkan. Minda merupakan jentera terpenting di dalam tubuh kita.

Menurut Buddhisme, ibu bapa hanya menyediakan kita lapisan material sahaja. Hanya dengan wujudnya kuasa karma, bayi dihasilkan di dalam kandungan ibu.

Buddha bersabda:

*“Di mana 3 faktor dijumpai di dalam kombinasi, maka satu hama kehidupan akan wujud. Jika ibu dan bapa datang bersama tetapi ia bukan tempoh kesuburan ibu, ‘karma’ untuk lahir pula tidak wujud, maka tiada hama kehidupan yang akan wujud. Jika ibu dan bapa datang bersama semasa kesuburan ibu, tetapi ‘karma’ untuk lahir tidak hadir, maka sekali lagi tiada kehidupan disemaikan. Jika ibu dan bapa datang bersama dan ia adalah tempoh kesuburan ibu dan ‘karma’ untuk lahir hadir, maka dengan kombinasi ketiga-tiga faktor ini, hama kehidupan berjaya disemaikan.”*

## **SERVICES AVAILABLE AT THE BUDDHIST MAHA VIHARA**

- Booking for Dana (Alms Giving) and Bana (Sermons)
- Blessing Services / Funeral Services by Monks
- Booking of Facilities for religious functions/ events
- Marriage Registration
- Full Moon and New Moon Day Services
- Sri Dhamma Library
- Tape Library
- Bookshop
- Correspondence Course
- Kindergarten - Tadika Sudharma
- PARAMA Business & I.T. Training Centre
- Weekly Activities
  - Chanting Tuesday & Friday 7.30p.m.
  - Special Talk Friday 1.00p.m.
  - Dhamma Talk Friday 8.00p.m.
  - Meditation Monday & Thursday 8.00p.m.
  - Service & Talk Sunday 8.30a.m.
  - Dhamma school Sunday 8.30a.m.

## **DONATION IN CASH OR KIND CAN BE MADE FOR:**

- Buddhist Propagation
- Education Fund
- Project Buddho Africa
- Full Moon and New Moon Service Sponsorship
- General Maintenance of the Buddhist Maha Vihara
- Illumination (lighting) of the Main Shrine Hall
- Monks Dana
- Monks Requisites
- Welfare Fund
- Sunday Dhamma School
- Special Religious Events – Wesak
  - Annual Blessing Service
  - Annual Merits Offering ceremony
  - Kathina Pinkama (ceremony)
  - Monks' Novitiate programme

**MAY THE BLESSINGS OF THE NOBLE TRIPLE GEM  
BE WITH YOU AND YOUR FAMILY**

## DONATION FORM

Buddhist Maha Vihara  
123, Jalan Berhala  
Brickfields  
50470 Kuala Lumpur  
Wilayah Persekutuan  
Malaysia

I/We would like to make a donation to the  
Buddhist Maha Vihara.

Name : .....

Address : .....

.....

.....

Amount: RM.....

Towards : .....

(CHEQUES MADE PAYABLE TO : **BUDDHIST MAHA VIHARA**)



**Sasana Abhiwurdhi Wardhana Society**

Buddhist Maha Vihara

123, Jalan Berhala, Brickfields,  
50470 Kuala Lumpur, Malaysia.

Tel: 603-22741141 Fax: 603-22732570

E-Mail: [info@buddhistmahavihara.com](mailto:info@buddhistmahavihara.com)

Website: [www.buddhistmahavihara.com](http://www.buddhistmahavihara.com)

[www.ksridhammananda.com](http://www.ksridhammananda.com)